



Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com

Task Manager dalam Windows 10

APAKAH fungsi dan penggunaan program Task Manager dalam sistem Windows 10?

- Kamarul, Temerloh.

Task Manager merupakan satu program penyelenggaraan sistem Windows yang sangat penting untuk memantau perjalanan penggunaan aplikasi, servis, sumber-sumber pengkomputeran dan program yang terdapat di dalamnya.

Program *Task Manager* boleh dibuka dengan pelbagai cara seperti klik kanan butang *Start* dan pilih *Task Manager* atau menekan butang *Ctrl-Alt-Del* dan pilih *Task Manager* atau menekan butang *Ctrl-Shift-Esc*.

Terdapat beberapa tab dalam program *Task Manager*. Pada tab *Processes*, beberapa perkara boleh dilakukan seperti berikut.

1 Tutup program atau aplikasi yang sedang dilarikan dengan klik kanan pada program tersebut dan pilih *End*.

2 Pemantauan proses-proses dalam komputer yang mempertingkat penggunaan unit pemprosesan pusat (CPU) di dalam komputer.

3 Pemantauan proses di dalam komputer yang mempertingkat penggunaan memori di dalam komputer.

Tab kedua, *Performances* dapatkan paparan graf masa nyata bagi penggunaan pemproses, memori, cakera dan rangkaian dalam komputer.

Fungsi ini menyediakan maklumat berguna untuk keperluan mempertingkat kapasiti pemproses, memori, cakera atau rangkaian.

Tab ketiga, *App History* dapatkan paparan maklumat penggunaan aplikasi yang berada dalam *Windows Universal* seperti kamera dan permainan komputer.

Tab keempat, *Startup* dapatkan paparan maklumat pemula program secara automatik.

Pilihan untuk menutup pemula program secara automatik boleh dibuat sekiranya perlu seperti mana aplikasi *Autoruns*.

Tab kelima, *Users* akan memaparkan maklumat penggunaan oleh akaun-akaun pengguna yang ada di dalam komputer.

Tab keenam, *Details* akan memaparkan seperti proses seperti dalam tab pertama tetapi dengan maklumat yang lebih terperinci seperti status, penggunaan pemproses dan memori, akaun pengguna dan deskripsi.

Tab ketujuh, *Services* akan memaparkan maklumat perkhidmatan terperinci yang ada dalam Windows. Setiap perkhidmatan ini boleh dibuka atau tutup lariannya seperti terdapat dalam *Component Services*.

Pada bahagian fail, terdapat fungsi *Run New Task* yang membolehkan baris arahan dilancarkan seperti menutup komputer dan sebagainya.